

Filem Anwar ditayang Mei depan

Farid teruja kisah perjuangan Perdana Menteri dalam politik jadi tontonan

Oleh **Fatin Farhana Ariffin**
fatin.farhana@bh.com.my

Doa dan impian Farid Kamil untuk melihat filem lakonannya, *Anwar The Untold Story* berkisar jatuh bangun perjuangan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam kancah politik, akhirnya termakbul.

Dua bulan lagi, filem yang menyaksikan dirinya memegang watak Anwar itu akan dipertontonkan di pawagam di seluruh negara, selepas mendapat kelulusan tayangan.

Ketika hendak memulakan penggambaran filem ini, Farid atau nama sebenar, Farid Kamil Zahari, 42, tidak putus berdoa mengharapkan naskhah berkenaan ditayangkan di Malaysia.

"Sebelum ini, saya ada cita-cita dan doa yang sentiasa bermain di fikiran saya. Sebagai pelakon filem ini, saya berharap *Anwar: The Untold Story* dapat ditayangkan di negara kita sendiri.

"Malah, sebelum penggambaran, setiap hari saya berdoa agar filem ini dipertontonkan dan Anwar harus diberi peluang mentadbir negara.

"Sabari berdoa hingga pernah dinasihati segelintir pihak agar usah terlalu yakin kerana mereka sudah kecewa selama 24 tahun (menanti Anwar menjadi Perdana Menteri).

"Jadi, ketika pergi ke Indonesia, saya sangat berharap doa saya terjamin. Saya bersyukur Anwar dilantik sebagai Perdana Menteri sebaik saya pulang dari Jakarta selepas penggambaran filem ini selesai," katanya.



Zunar (tiga dari kanan), Viva (empat dari kanan) bersama pelakon Farid (empat dari kiri) dan Hasnul (dua dari kanan) serta tenaga kreatif di sebalik pembikinan filem *Anwar: The Untold Story* pada majlis pelancaran di ibu negara, kelmarin. (Foto Aziah Azmee/BH)

Suami kepada pelakon Diana Danielle gembira pilihannya untuk mengambil risiko besar membawa watak Anwar dianggap keputusan tepat.

Tarikh tayangan filem *Anwar: The Untold Story*, iaitu terbitan syarikat produksi Indonesia, Bi-anglala Entertainment ini bakal diumumkan kelak. Filem ini akan ditayangkan serentak di Brunei dan Singapura.

Penggambaran berjalan lancar

Selain Farid, filem itu turut dibintangi Acha Septriasa sebagai Datin Seri Dr Wan Azizah, Hasnul Rahmat (Tun Dr Mahathir Mohamad) dan pelakon lain seperti Piet Pagau dan Dew Irawan.

Farid bersyukur proses penggambaran filem *Anwar: The Untold Story* lancar tanpa gangguan mana-mana pihak.

"Kami melakukan penggambaran secara senyap hinggalah tersebar foto yang dikongsi seorang pelakon filem itu memaklumkan saya memegang watak Anwar.

"Dari saat itu, kami berhati-hati kerana watak dibawa saya itu ramai orang tahu. Alhamdulillah, sepanjang penggambaran, tiada gangguan.

"Malah, saya mudah menzahirkan watak Anwar ketika penggambaran di Indonesia," katanya pada sidang media sempena pelancaran filem *Anwar: The Untold Story*, kelmarin.

Farid turut meluahkan rasa kagum dengan komitmen dan cara pasukan produksi filem di Indonesia bekerja.

"Kalau kita tengok pembikinan filem di Indonesia, ia sangat menarik. Saya rasa seperti bintang filem di sana.

"Kelengkapan semuanya ada dan apresiasi mereka terhadap Anwar boleh dirasai. Sebagai contoh, baju, cincin dan semua yang dipakai (Anwar), sangat terperinci.

"Syarikat produksi juga bina ibu pejabat Polis Diraja Malaysia (PDRM) Bukit Aman, Masjid Negara, rumah Anwar pada 1974 dan momen penting yang berlaku di Bukit Antarabangsa.

"Apresiasi itulah yang perlu dipelajari industri pembikinan filem di Malaysia. Saya boleh katakan, ada banyak perkara kita perlu belajar dan perbaiki dari segi pembikinan filem.

"Kos penerbitan filem (di Indonesia) tidak terlalu besar tetapi cara mereka menghargai sesebuah filem membuatkan saya tertarik bekerjasama dengan mereka," katanya.

Pengarah filem itu, Viva Westi, mengakui selain Farid, ada beberapa pelakon pilihan yang ditawarkan membawa watak Anwar dalam filem berkenaan.

Bagaimanapun, kata Viva, hanya Farid yang berani menyatakan persetujuan memegang watak utama itu.

"Ada beberapa pelakon yang kami uji bakat. Tetapi Farid, pelakon pertama yang saya tawar, dia beritahu iya (setuju). Pelakon lain semua minta kebenaran untuk baca dan lihat skrip terlebih dahulu... Semuanya meminta waktu.

"Jujur saya nyatakan, salah seorang pelakon Indonesia yang ditawarkan watak Anwar adalah Reza Rahadian. Dia mahu menjayakan watak itu, tetapi jadinya tidak mengizinkan. Ketika itu, Reza menjadi juri Festival Filem Indonesia.

"Dia sangat berminat dan meminta untuk saya memanjangkan waktu agar boleh berlatih. Saya tidak boleh menunggunya.

"Selain itu, atas faktor tertentu, kita pilih Acha. Dia pernah menuntut di Malaysia dan menetap di sini selama lapan tahun.

Jadi, Acha berkebolehan berbicara dalam loghat tempatan dengan baik," katanya yang per-

nah meraih trofi Sutradara Terbaik pada Festival Filem Indonesia pada 2008.

Sementara itu, penerbit eksekutif filem *Anwar: The Untold Story*, Zulkiflee Anwar Haq atau Zunar berkata, usaha menghasilkan naskhah itu bermula sejak 2011.

Bagaimanapun, berikutan banyak kekangan, projek itu tidak dapat diteruskan.

Zunar berkata, filem itu berkisar liku hidup Anwar ketika dilantik sebagai Menteri Kewangan pada 1993 hingga dipecat pada 1998.

"Versi cerita filem ini datang daripada Anwar. Ada antara kisah yang orang tahu, ada yang samar-samar dan tidak langsung diketahui.

"Kita buat semula daripada 'public domain', tetapi, dalam bentuk yang terpendam. Misalnya, cerita yang diambil dari penjara dan laporan siasatan lengkap mengenai Anwar ketika dalam lokap.

"Jadi, kami angkat versi yang orang tidak tahu. Sama ada diterima sebagai kebenaran, terpolung kepada penonton.

"Namun, kami sudah berusaha sebaik mungkin mengambil cerita yang tercatat dalam perundangan dan hasil temu bual dengan pihak terbabit," katanya.